

# Angkasa sasar 100 koperasi terlibat ternakan ayam

Projek itu mampu mengeluarkan sebanyak 30 juta ekor ayam daging dalam tempoh setahun

Oleh NOR AZURA  
MD AMIN  
KULAI



Majlis MoU antara Angkasa yang diwakili Abdul Fattah (dua dari kiri) dan Mars Global Sdn Bhd di Kulai pada Isnin.

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa) menyasarkan 100 koperasi terlibat dalam industri ternakan ayam bagi membolehkan pengeluaran sebanyak 30 juta ekor ayam daging dalam tempoh setahun.

Presidennya, Datuk Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, pembabitan koperasi dalam industri agromakanan itu dapat meningkatkan skala penternakan dan menambah jumlah pengeluaran bekalan ayam di pasaran.

Katanya, Angkasa akan membantu ahlinya membina 100 ekor reban ayam dalam masa terdekat bagi memulakan projek ternakan secara ladang kontrak.

"Setakat ini sudah ada 19 koperasi yang mengusahakan penternakan ayam secara kecil-kecilan dengan pengeluaran kira-kira 5,000 ekor ayam daging sebulan.

"Bagaimanapun, seruan kerajaan supaya koperasi mencebur bidang ternakan ayam, kita akan sahut dan lakukannya secara besar-besaran dengan membantu mereka tingkatkan kapasiti sehingga mamou mengeluarkan 50,000 ekor ayam daging sebulan.

"Kita juga akan mengerakkan usaha membina 100 lagi reban yang akan diusahakan oleh 100 koperasi sama ada

di negeri ini atau negeri lain," katanya dalam sidang akbar selepas menyaksikan Majlis Memerlukan tanah untuk Memerlukan Persefahaman (MoU) antara Angkasa Koperasi Negeri Johor dan Syarikat Global Mars Sdn Bhd bagi membuka ruang kerjasama kepada koperasi untuk pembangunan perniagaan industri ayam halal pacak Isnin.

Hadir sama, Pengurusan Angkasa Johor, Sazali Abd Hamid dan Ketua Pegawai Eksekutif Mars Global Sdn Bhd, Mohd Norulhizam Mohd Ramli.

Menurut Abdul Fattah, Angkasa akan memohon ke-

pada kerajaan Johor untuk memperuntukkan sebanyak 25 hektar tanah untuk mengusahakan ternakan ayam daging berskala besar.

"Kita memerlukan antara 2.83 hingga 4.04 hektar tanah setiap lot bagi membina reban ayam berkapasiti tinggi itu supaya penternakan ayam skala besar ini diusahakan koperasi dapat dimulakan," katanya.

Pada 31 Mei lalu, kerajaan memperuntukkan dana sebanyak RM500 juta di bawah Skim Agro Food Facilities bagi menggalakkan penceluaran bahan makar yang diuruskan koperasi berdasarkan agromakanan.